JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA

ARAHAN KETUA PENGARAH INSOLVENSI

BIL. 2/2026

Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi

Pengarah Insolvensi Bahagian

Pengarah Insolvensi Negeri

Timbalan Pengarah Insolvensi

Penolong Kanan Pengarah Insolvensi

Penolong Pengarah Insolvensi

Pegawai Insolvensi Utama

Ketua Cawangan

Pegawai Insolvensi

TATACARA BERKAITAN PEMBERIAN PERSETUJUAN PEGAWAI PENERIMA DAN PENYELESAI KEPADA PENERIMA ATAU PENERIMA DAN PENGURUS

TUJUAN

1. Arahan ini bertujuan untuk memberi garis panduan mengenai Pemberian Persetujuan Penyelesai Kepada Penerima atau Penerima dan Pengurus.

LATAR BELAKANG

2. Penyediaan arahan ini bertujuan untuk memberi persetujuan dan kebenaran kepada Penerima dan Pengurus yang dilantik untuk menguruskan serta mentadbir hal-hal berkaitan syarikat yang digulungkan selaras dengan keperluan perundangan semasa dan amalan terbaik pentadbiran insolvensi.

3. Selain daripada itu, penyediaan arahan ini juga bertujuan untuk mewujudkan keseragaman dalam amalan dan prosedur berkaitan pemberian persetujuan

penyelesai kepada Penerima atau Penerima dan Pengurus di seluruh cawangan Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI).

ISTILAH DEBENTUR, PENERIMA ATAU PENERIMA DAN PENGURUS

4. Debentur ialah satu instrumen hutang bertulis yang dikeluarkan oleh sesebuah syarikat untuk meminjam wang daripada institusi kewangan. Debentur berjamin mengandungi klausa cagaran aset tertentu manakala debentur yang tidak berjamin hanya mengandungi syarat pembayaran semula hutang tanpa sebarang jaminan.

5. Bukan semua jenis pinjaman yang diberikan oleh institusi kewangan melibatkan debentur. Lazimnya, perjanjian debentur dimasuki oleh syarikat-syarikat yang memohon pinjaman dalam skala besar, jangka masa panjang dan pinjaman yang melibatkan cagaran terapung (*floating charge*) seperti stok barang dagangan, akaun penerimaan penghutang (*receivables*) dan wang dalam bank.

6. Debentur mengandungi klausa yang membenarkan pemegang debentur melantik penerima (*receiver/ '**R**'*) atau penerima dan pengurus (*receiver and manager/ **R&M**'*) jika berlaku kegagalan bayar balik pinjaman kewangan.

7. R adalah individu yang dilantik untuk mengambil alih kawalan ke atas harta tertentu syarikat yang dijadikan cagaran/jaminan di bawah perjanjian debentur. Kuasanya terhad kepada harta yang dipegang di bawah debentur sahaja, bukan keseluruhan syarikat. Contohnya, jika syarikat cagarkan sebuah kilang bawah perjanjian debentur kepada bank, R yang dilantik hanya boleh urus kilang itu dan bukan keseluruhan operasi syarikat.

8. Individu yang dilantik sebagai R&M pula boleh bertindak sebagai penerima aset yang dijamin dan juga diberi kuasa untuk menguruskan keseluruhan perniagaan syarikat. Sebagai contoh, seseorang yang dilantik sebagai R&M boleh menguruskan kilang yang dicagarkan dan juga keseluruhan operasi syarikat termasuklah pengurusan jualan dan pekerja syarikat.

9. Berdasarkan Seksyen 386(1) Akta 777, sekiranya seseorang individu telah dilantik sebagai R atau R&M oleh pemegang debentur untuk menjaga aset yang dijamin di bawah debentur, beliau masih boleh meneruskan kuasanya sebagai penerima atau penerima dan pengurus walaupun **setelah syarikat digulungkan** namun hendaklah mendapatkan persetujuan dari penyelesai terlebih dahulu. Sekiranya penyelesai enggan memberikan persetujuan, R / R&M boleh memohon kepada Mahkamah.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG YANG BERKAITAN

10. Seksyen 2 Akta Syarikat 2016 mentafsirkan 'debentur' termasuk saham debentur, bon, sukuk, nota dan apa-apa sekuriti lain sesuatu perbadanan sama ada merupakan suatu gadaian ke atas aset perbadanan itu atau tidak;

11. Seksyen 374 Akta 777 menyatakan seperti berikut:-

374. Pelantikan penerima atau penerima dan pengurus

Seseorang penerima atau penerima dan pengurus boleh dilantik –

(a) di bawah apa-apa surat cara yang memberi pemegang debentur atau pemegang gadaian kuasa untuk melantik penerima atau penerima dan pengurus;

(b) di bawah apa-apa surat cara yang mewujudkan gadaian berkenaan dengan harta dan pengusahaan suatu syarikat yang memberi pemegang gadaian kuasa untuk melantik penerima atau penerima dan pengurus; atau

(c) oleh Mahkamah.

12. Seksyen 385 Akta 777 menyatakan seperti berikut:-

385. Pelantikan penyelesai sebagai penerima atau penerima dan pengurus dalam hal penggulungan

Seorang penyelesai diluluskan boleh dilantik sebagai penerima atau penerima dan pengurus, jika suatu permohonan dibuat kepada Mahkamah untuk melantik penerima atau penerima dan pengurus bagi pihak pemegang debentur atau pemiutang lain syarikat yang digulung oleh Mahkamah.

13. Seksyen 386(1) Akta 777 menyatakan seperti berikut :-

386. Kuasa penerima atau pengurus dan pengurus mengenai penyelesaian

(1) Selepas penggulungan sesuatu syarikat mula berkuat kuasa –

(a) Seseorang penerima boleh terus bertindak sebagai penerima dan menjalankan segala kuasa penerima berkenaan dengan harta atau aset yang dijamin di bawah debentur yang melantik penerima itu;

(b) Seorang penerima dan pengurus boleh terus bertindak sebagai penerima sebagaimana yang disebut dalam perenggan(a);dan

(c) Seorang penerima dan pengurus boleh terus menjalankan segala kuasa penerima dan pengurus bagi maksud menjalankan urusan syarikat dengan syarat bahawa penerima dan pengurus itu memperoleh persetujuan daripada penyelesai atau jika Penyelesai enggan memberikan persetujuannya, persetujuan Mahkamah.

14. Berdasarkan peruntukan undang-undang di atas, seseorang R atau R&M boleh dilantik seperti berikut:-

Sebelum / tiada penggulungan syarikat	R / R&M dilantik oleh pemegang debentur di bawah perjanjian debentur. (tanpa perintah mahkamah) (S. 374(a) dan (b) Akta 777). Boleh juga dilantik melalui perintah mahkamah di bawah S. 374(c) Akta 777 jika berlaku pertikaian dalam pelantikan.
Selepas penggulungan syarikat	R / R&M dilantik melalui Perintah Mahkamah. Permohonan untuk lantikan ini boleh dibuat oleh pemegang debentur sendiri atau lain-lain pemiutang. (S. 374(c), S. 385)

15. Sekiranya syarikat telah digulungkan, R / R&M sama ada dilantik di bawah Seksyen 374 atau Seksyen 385 Akta 777, hendaklah mendapatkan persetujuan dari penyelesai yang dilantik terlebih dahulu untuk menjalankan kuasanya.

TATACARA PEMBERIAN PERSETUJUAN OLEH PEGAWAI PENERIMA DAN PENYELESAI (PPP) DI BAWAH SEKSYEN 386(1) AKTA 777.

16. Apabila pegawai insolvensi unit likuidasi cawangan menerima permohonan untuk mendapatkan persetujuan PPP dari mana-mana R / R&M yang dilantik, sila pastikan dokumen-dokumen seperti berikut adalah teratur:-

(a) Surat permohonan persetujuan PPP oleh R / R&M;

(b) Perintah Mahkamah bagi pelantikan R / R&M (sekiranya lantikan adalah di bawah S. 374(c) atau S. 385 Akta 777);

(c) Resolusi Pengarah Syarikat dan surat yang telah ditandatangani oleh pemegang debentur bagi pelantikan sebagai penerima dan pengurus melalui mana-mana kuasa yang terkandung dalam apa-apa surat cara (sekiranya lantikan adalah di bawah S. 374(a) atau (b) Akta 777);

(d) Salinan perjanjian debentur yang berkaitan; dan

(e) Sesalinan borang butir-butir yang hendak didaftarkan bersama cagaran yang didaftarkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah S. 352 Akta 777.

17. Sila kuiri R / R&M sekiranya dokumen-dokumen di atas tidak lengkap.

18. Sekiranya dokumen-dokumen yang dinyatakan di perenggan 16 adalah teratur, dokumen-dokumen tersebut hendaklah dirujuk kepada Pengarah Insolvensi Negeri (PIN) / Ketua Cawangan (KC) untuk mendapatkan kelulusan / arahan mengeluarkan surat persetujuan PPP.

19. Berikut adalah perkara yang perlu dipertimbangkan oleh PIN / KC untuk kelulusan surat persetujuan PPP di bawah Seksyen 386(1) Akta 777:

    (a) Lantikan R / R&M tersebut adalah sah sama ada di bawah S. 374 / S. 385 Akta 777;

    (b) Permohonan untuk menerima atau menerima dan mengurus adalah tidak melangkaui perkara yang dibenarkan di bawah perjanjian debentur;

    (c) Debentur bercagar yang dikemukakan telah didaftarkan di SSM; dan

    (d) Lain-lain perkara yang difikirkan wajar mengikut fakta setiap kes.

20. Bagi tujuan keseragaman, cawangan-cawangan hendaklah mengeluarkan surat persetujuan PPP di bawah Seksyen 386(1) Akta 777 sebagaimana di **Lampiran A.**

PELAKSANAAN

21. Oleh yang demikian, cawangan-cawangan hendaklah mematuhi arahan ini sebagaimana yang ditetapkan di atas.

KUAT KUASA

22. Arahan ini berkuatkuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

(DATO' ISHAK BIN BAKRI)
Pegawai Penerima
Jabatan Insolvensi Malaysia
Tarikh: 10 APR 2026

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
A	Format Pemberian Persetujuan Penyelesai Kepada Penerima & Pengurus Dibawah Seksyen 386(1)(C) Akta Syarikat 2016

LAMPIRAN A

Ruj.Tuan:
Ruj.Kami:
Tarikh:

PENERIMA & PENGURUS
[Nama Penerima & Pengurus]
[Alamat]

YBhg. Datuk / Dato' / Tuan/Puan

DALAM PERKARA PENGGULUNGAN SYARIKAT NO:
BER: [NAMA SYARIKAT]
PER: PEMBERIAN PERSETUJUAN PENYELESAI KEPADA PENERIMA & PENGURUS DIBAWAH SEKSYEN 386(1)(C) AKTA SYARIKAT 2016

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Pegawai Penerima telah dilantik sebagai Penyelesai bagi **[nama syarikat] (No. Pendaftaran: [ ])**, dengan ini memberikan persetujuan kepada tuan/puan selaku penerima & pengurus untuk menjalankan kuasa dan melaksanakan tugas sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 386 Akta Syarikat 2016.

3. Peruntukkan dibawah Seksyen 386 (1)(c) Akta Syarikat 2016 membenarkan penerima dan pengurus yang dilantik menjalankan pengurusan, pentadbiran serta mengambil apa-apa tindakan yang perlu dan wajar serta tindakan yang sah di sisi undang-undang berhubung dengan harta, urusan dan hal ehwal syarikat tersebut selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkaitan.

4. Kerjasama dan perhatian awal pihak Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar

.....
Pengarah Negeri Negeri.....
b.p. Jabatan Insolvensi Malaysia